



## JUDI HALAL JUDI HARAM, PERBUATAN SYAITAN

Dalam keghairahan rakyat Malaysia menyambut ketibaan kejohanan bolasepak Piala Dunia tidak lama lagi, rakyat, khususnya yang beragama Islam dikejutkan dengan satu 'produk halal' yang bakal muncul memeriahkan lagi temasya sukan empat tahun sekali itu. Pada 6 Mei lalu, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr. Awang Adek Hussein berkata, kerajaan mempertimbangkan kemungkinan mengeluarkan lesen untuk membenarkan pertaruhan (judi) dilakukan semasa kejohanan bola sepak Piala Dunia 2010 bagi mengelak bereluasanya aktiviti perjudian dan pertaruhan haram di negara ini. Katanya, jika kerajaan tidak mengeluarkan lesen kepada pihak yang memohon, aktiviti perjudian dan pertaruhan haram tetap berlaku tanpa kawalan dan pemantauan pihak berkuasa. "Ada beberapa perkara penting untuk dikaji sama ada perkara ini baik bagi kerajaan atau jika kerajaan boleh cuba mengawalinya untuk mengetahui berapa banyak," ujarnya kepada pemberita di lobi Parlimen. Ramai yang terkejut dan beristighfar panjang dengan kenyataan ini, namun belum pun reda kejutan ini, dua hari lepas (12 Mei) akhbar berbahasa Cina, Sin Chew, melaporkan menteri kewangan secara rasminya telah memberi lesen judi itu kepada Kumpulan Berjaya. Sin Chew melaporkan pertaruhan secara sah itu boleh dilakukan sebelum kejohanan bolasepak itu bermula pada 11 Jun ini. Perjudian itu boleh dilakukan melalui lebih 2000 kedai pertaruhan Toto yang dimiliki kumpulan itu [harakahdaily.net]. Nah, inilah hadiah dari seorang pemimpin 1Malaysia kepada rakyat, khususnya kepada tauke judi dan kaki-kaki judi seluruh negara! Ternyata cogan kata "pencapaian diutamakan" bukanlah suatu yang sia-sia di mana mungkin 'judi halal' ini adalah salah satu pencapaian terbesar yang bakal diraih Malaysia yang tidak pernah dilakukan oleh negara-negara umat Islam lainnya.

Bagi mereka yang sudah lama menyelami politik tanahair, judi halal yang diumumkan kerajaan ini, walaupun memeranjatkan tetapi bukanlah suatu yang baru. Di Malaysia, semua benda haram boleh jadi halal hanya dengan diberi sejenis pengiktirafan yang dipanggil lesen. 'Judi berlesen' telah lama dihalalkan di Malaysia. Siapa tidak tahu kasino Genting, kasino Bukit Tinggi, Magnum, Tanjung, Metroplex, Resort World Berjaya Group dan banyak lagi? Kesemua ini merupakan syarikat besar judi yang beroperasi secara 'sah' di Malaysia. Di samping musim orang gila bola ini, kini ada satu lagi kegilaan yang dibenarkan oleh kerajaan untuk digilai iaitu gila judi. Segalanya dah jadi gila! Sungguh dangkal dan menjijikkan alasan yang diberi oleh seorang menteri, membenarkan judi hanya kerana khawatir jika tidak dibenarkan, judi tidak dapat dibendung. Kemudian ditambah dengan alasan haram lainnya iaitu keuntungan darinya dapat digunakan untuk pembangunan sukan. Dengan alasan yang sama, agaknya Pak Menteri akan menghalalkan perzinaan dan pelacuran jika perzinaan dan pelacuran sudah tidak dapat dibendung. Pak Menteri juga mungkin akan menghalalkan arak dan dadah yang sememangnya sudah tidak dapat dibendung lagi selama ini. Begitu juga dengan mencuri, merompak, merempit, buang bayi, membunuh, murtad dan sebagainya, semua ini boleh dihalalkan jika khawatir sudah tidak dapat dibendung lagi! Alasan apakah ini!? Inilah pemikiran yang ada dalam kepala pemimpin-pemimpin sekular yang ada pada hari ini. Mereka adalah dari jenis makhluk yang tidak pernah memerhatikan hukum Allah dalam membuat keputusan. Kepala mereka dipenuhi najis pemikiran Kapitalis yang hanya tahu berfikir untuk mendapatkan keuntungan dari setiap perbuatan, tanpa mengambil kira aspek halal-haram.

### Menghalalkan Yang Haram Kerana Maslahat Dan Hukumnya

Di dalam Islam, keharaman judi adalah *qat'ie*. Ia disebut dengan jelas oleh Allah di dalam Al-Quran melalui firmanNya, "*Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak dan judi dan (berkorban untuk) berhalwa, mengundi nasib (dengan panah) adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu beroleh keuntungan*" [TMQ al-Ma'idah (5):90]. Dari perkembangan terbaru ini, nampaknya Menteri Malaysia begitu berani melawan ayat-ayat Allah dengan menghalalkan apa yang Allah telah haramkan. Mereka betul-betul telah menjadikan syaitan sebagai kawan dan mendustakan ayat Allah dengan perbuatan terkutuk mereka ini. Firman Allah, "*Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta 'ini halal dan ini haram', untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung*" [TMQ an-Nahl (16):116].

Apakah pemimpin Malaysia begitu bodoh hingga tidak memahami ayat-ayat Allah yang *qat'ie*? Atau mereka tidak peduli dengan semua itu kerana merasakan merekalah pembuat undang-undang yang lebih hebat dari Allah? Nampaknya pemikiran *bathil* ini telah menyatu dan mendarah daging di dalam diri mereka sehingga mereka sanggup mengeluarkan hukum yang bertentangan dengan Al-Quran. Mereka telah menjadikan akal dan hawa nafsu mereka sebagai 'penimbang' untuk menilai mana yang manfaat dan mana yang mudarat, lalu mengeluarkan hukum mengikut manfaat yang mereka fikirkan. Inilah cara berfikir mereka, apabila manfaat suatu perbuatan jauh lebih besar dari mudaratnya, maka perbuatan itu mesti dikerjakan. Dan jika mudaratnya lebih besar dari manfaatnya, maka menurut akal mereka, perbuatan itu mesti ditinggalkan. Inilah apa yang mereka lakukan dan kita sedang menyaksikannya. Walaupun begitu jelas bahawa maslahat yang mereka fikirkan itu berlawanan dengan hukum syarak, namun hukum syarak mereka tinggalkan dan 'hukum maslahat' mereka ambil sebagai ganti. Mereka

sesungguhnya telah memposisikan diri mereka sebagai *Musyarrif* (Pembuat Hukum) kerana telah menghalalkan yang haram mengikut sesuka mereka berdasarkan akal dan hawa nafsu mereka. Sedangkan satu-satunya *Musyarrif* (Pembuat Hukum) adalah Allah Azza Wa Jalla. Oh! Alangkah berani mereka!

Antara aspek terpenting ajaran Islam adalah yang berkaitan dengan aktiviti penguasa (yang sedang memerintah). Ini tidak terbatas kepada kita yang berada di Malaysia sahaja, bahkan juga kepada seluruh negara kaum Muslimin lainnya. Firman Allah Azza Wa Jalla, "*Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan, maka mereka adalah orang-orang kafir*" [TMQ al-Ma'idah (5):44]. Sesungguhnya kata "*yahkum*" (berhukum) dalam ayat ini, sepertimana juga dalam surah yang sama ayat 45 dan 47, mencakup siapa sahaja yang memiliki autoriti dan kekuasaan untuk memutuskan suatu hukum (undang-undang) serta menerapkannya, baik sebagai ketua negara atau menteri-menterinya atau orang-orang yang diberi kuasa oleh mereka (untuk membuat hukum). Setiap orang yang memiliki autoriti untuk menerap dan memutuskan hukum, maka mereka termasuk dalam pengertian "*yahkum*" dalam ayat tersebut atau ayat-ayat lainnya. Oleh itu, siapa sahaja yang menerap dan memutuskan suatu urusan dengan cara yang tidak diizinkan oleh Allah, maka dia secara nyatanya telah berhukum dengan selain hukum yang diturunkan oleh Allah, baik kerana dia sengaja atau kerana kejahilan sekalipun. Juga, tidak kiralah apa alasan sekalipun yang diberikannya, atau dengan tiada apa-apa alasan sekalipun, pokoknya dia telah berhukum dengan hukum selain yang Allah turunkan. Apabila orang yang berhukum dengan selain dari apa yang Allah turunkan melakukannya dengan rasa puas, redha dan tanpa rasa bersalah serta membenarkan apa yang dilakukannya, maka dia telah jelas kafir dan telah keluar dari Islam, berdasarkan ayat ini.

Sebagai contoh, keharaman riba jelas *qat'ie*, sebab sumber dan maknanya adalah *qat'ie* sehingga tidak ada penafsiran lain lagi.

Bila ada seorang penguasa yang membuat undang-undang yang membolehkan riba, maka dia sesungguhnya telah mengambil selain syariat Allah serta menerapkan hukum selain dari yang diturunkan oleh Allah dan menghalalkan apa yang jelas telah diharamkan oleh Allah. Bila dia mengakui bahawa dialah yang telah membuat undang-undang itu serta menerapkannya, malah mewujudkan organisasi, lembaga atau badan untuk mempertahankan keharaman tersebut, maka dia jelas-jelas telah berhukum dengan selain hukum Allah bahkan mengukuhkan lagi kekufuran. Masalah ini bukanlah masalah *ijtihad*, akan tetapi masalah yang secara langsung diambil dari ayat Allah, *“barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan, maka mereka adalah orang-orang kafir”*. Tidak ada penafsiran lain lagi bagi ayat ini kecuali teramat jelas bahawa siapa yang berhukum dengan selain dari apa Allah turunkan, dengan puas, redha, mempertahankan dan tidak merasa bersalah dengannya, maka dia adalah termasuk orang-orang yang kafir!

Fakta yang sama status hukumnya dengan penghalalan riba adalah penghalalan judi, arak, zina, murtad dan seumpamanya. Dalam hal ini memang terdapat perbezaan antara orang yang melakukan riba atau judi tetapi dia meyakini bahawa riba atau judi itu haram, dengan, orang yang melakukan riba atau judi, namun dia meyakini bahawa riba atau judi itu halal. Orang yang pertama hanya dinilai sebagai melakukan maksiat, tetapi orang yang kedua dikategorikan sebagai kafir. Sebab orang yang pertama masih mengakui hukum syarak meskipun amalannya menyeleweng, sehingga dia dihukum sebagai pelaku maksiat. Sedangkan orang yang kedua, kerana dia telah mengingkari hukum syarak yang *qat’ie* yang termasuk dalam kategori *ma’lum minaddin bi dharurah* (hal agama yang jelas hukumnya), maka dia telah menjadi kafir! Bagi mana-mana penguasa yang masih benar *ittiqa*d (keyakinannya) terhadap hukum syarak namun dalam masa yang sama mengamalkan hukum kufur, mereka mungkin terhindar dari kekafiran, tetapi mereka sama sekali tidak terlepas dari kezaliman dan kefasikan kerana berhukum dengan selain dari yang Allah turunkan.

Seorang Muslim yang sejati, baik penguasa mahupun rakyat, tidak akan mungkin meninggalkan syariat Allah atau redha dengan hukum kufur yang diterapkan. Jika dia merasa puas dan redha dengannya, maka dia bukanlah lagi muslim yang sejati. Firman Allah, *“Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu (Muhammad) hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan”* [TMQ an-Nisa’ (4):65]. Sedarlah wahai kaum Muslimin *rahimakumullah!* Berapa banyak dari perkara yang kalian anggap remeh, namun sebenarnya merupakan masalah yang besar yang menyentuh persoalan akidah/keimanan kalian kepada Allah SWT. Berapa banyak persoalan yang boleh mengeluarkan seseorang Muslim dari keislamannya, namun dia tidak mengetahui bahawa dirinya sudah keluar dari Islam! Dalam hal ini Allah SWT mengingatkan kita dalam kitabNya, *“Mereka telah menjadikan orang-orang alimnya, dan rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain Allah, dan begitu pula dengan Al-Masih (Isa) bin Maryam (telah dituhankan pula), padahal mereka tidak diperintahkan kecuali hanya menyembah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan melainkan Dia, Maha suci Dia dari apa-apa yang mereka sekutukan”* [TMQ at-Taubah (9):31].

Ketika Rasulullah ditanya bagaimana mereka (Yahudi dan Nasrani) menjadikan rahib dan pendita mereka sebagai Tuhan, baginda menjawab *“Mereka menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah, lalu mereka mentaatinya”*. Inilah yang dimaksudkan dengan menyembah. Lihatlah apa yang berlaku hari ini di mana terdapat di kalangan penguasa kita yang jelas-jelas telah mengambil sikap seumpama rahib dan pendita Yahudi dan Nasrani yang dibenci dan dimurkai Allah. Penguasa umat Islam hari ini telah dengan jelas menghalalkan apa yang Allah haramkan! Mereka begitu berani membuat hukum tersebut tanpa sedikitpun merasa bersalah dengannya! Apakah kalian masih tetap mahu mentaati mereka dan membiarkan orang-orang seperti ini memimpin

kalian? Sekiranya kalian mentaati mereka, maka sesungguhnya kalian telah menjadikan mereka Tuhan-Tuhan selain Allah. Dan sesungguhnya ini adalah suatu perbuatan yang jelas-jelas mensyirikkan Allah! *Na’uzubillah min zalik*. Kita diharamkan untuk mentaati penguasa sebegini, sebaliknya wajib meluruskan mereka. Rasulullah SAW bersabda, *“Barangsiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya; jika tidak mampu, hendaklah dengan lisannya; jika tidak mampu, hendaklah dengan hatinya. Akan tetapi, yang demikian itu (dengan hati) adalah selemah-lemahnya iman.”* [HR Muslim]. Dalam riwayat lain disebut, *“dan di luar itu, sudah tidak ada lagi sebutir keimanan pun”*.

Sedarlah wahai kaum Muslimin *rahimakumullah!* Sesungguhnya para penguasa itulah yang merupakan punca kepada segala kemungkaran yang ada pada hari ini. Sistem mereka adalah mungkar, undang-undang mereka adalah mungkar, tingkah laku mereka juga penuh kemungkaran. Jika kalian lemah sekalipun untuk menegur dengan tangan atau lisan, kalian sekali-kali tidak boleh lemah untuk menegur dengan hati. Sesiapa sahaja yang tidak membenci tindakan penguasa seperti itu, maka sesungguhnya dia telah berdosa sebagaimana penguasa tersebut. Sabda Rasulullah SAW, *“Akan ada para amir (penguasa), maka kalian (ada yang) mengakui perbuatan mereka, dan (ada yang) mengingkari perbuatan mereka. Siapa sahaja yang mengakui tindakan mereka (kerana tidak bertentangan dengan syara’), maka dia tidak diminta pertanggungjawabannya, dan siapa saja yang mengingkari perbuatan mereka (kerana bertentangan dengan syara’) maka dia selamat. Tetapi siapa saja yang redha (dengan tindakan mereka yang bertentangan dengan syara’) serta mengikuti mereka, maka dia berdosa...”* [HR Muslim].

Kita hendaklah mencegah kemungkaran yang dilakukan oleh penguasa sedaya upaya kita kerana Rasulullah SAW bersabda, *“Bila aku memerintahkan dengan suatu perintah, maka tunaikanlah perintah itu sekuasa-kuasa kalian”* [HR Mutafaq Alaih]. Kita hendaklah melakukan amar makruf nahi mungkar jika kita tidak mahu azab Allah turut terkena ke atas kita kerana kemalasan atau kelalaian kita. Sabda Nabi SAW, *“Allah tidak menghukum suatu bangsa kerana kesalahan beberapa orang di antara mereka, sampai mereka melihat kemungkaran (dilakukan) di antara mereka, sedangkan mereka mampu menghentikannya, tetapi mereka tidak menghentikannya. Apabila mereka berbuat seperti itu (tidak menghentikan kemungkaran), maka Allah akan mengazab (orang yang melakukan kemungkaran) secara khusus dan (bangsa itu) secara keseluruhan”* [HR Ahmad]. Justeru, cegahlah kemungkaran penguasa ini dengan apa cara sekalipun yang dibenarkan syarak, baik dengan perbuatan, lisan mahupun penulisan agar kita semua terhindar dari dosa dan azab.

### Khatimah

Bangkitlah wahai kaum Muslimin *rahimakumullah!* Bersihkanlah diri dan masyarakat kita dari segala keburukan dan kemungkaran. Buanglah punca kemungkaran tersebut, nescaya kalian dan umat Islam keseluruhannya akan menjadi bersih dan mulia. Yakini bahawa kemungkaran yang melingkungi kita semua pada hari ini tidak akan dapat diubah kecuali dengan menghancurkan sistem kufur dan akar-akar kekufuran yang telah lama bertapak di negara kita dan negara kaum Muslimin lainnya. Kita tidak mahu berada di bawah pemimpin yang melakukan perbuatan syaitan. Selagi masih ada sisa-sisa usia yang Allah kurniakan kepada kita ini, marilah kita sama-sama berusaha untuk menegakkan *Khilafah Rasyidah Ala Minhaj Nubuwwah*, sebuah Daulah Islam yang akan menerapkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya, yang dengannya segala kemungkaran dapat dijangkirbalikkan dan digantikan dengan kebaikan dan kemuliaan. Sesungguhnya pemerintahan ini wajib berada di tangan seorang Khalifah yang beriman dan bertakwa yang akan menerapkan hukum menurut apa yang Allah turunkan. Dan Khalifah ini tidak akan terwujud kecuali kita semua berusaha mewujudkannya dengan jalan yang telah ditempuh oleh para sahabat yang kita kasihi.